

► Membaca

Baca petikan yang diberikan. Kemudian, analisis maklumat yang terdapat dalam petikan dengan memberikan respons yang sesuai. **SP 2.2.2**

PESTA ANGIN TIMUR NEGERI PERLIS

Pesta Angin Timur (PAT) merupakan satu daripada produk pelancongan utama di negeri Perlis. Pesta ini mengambil nama bersempena dengan peredaran musim daripada sejuk kepada musim panas yang dibawa oleh angin dari arah sebelah timur ke negeri Perlis.

Pesta ini diadakan di kawasan sawah yang kering dan luas. Kebiasaannya, pada bulan Januari hingga Mac, kawasan sawah di utara semenanjung menjadi kering kerana cuaca panas dan kekurangan hujan. Pada masa itu juga padi sudah dituai oleh para pesawah.

Antara pengisian pesta tersebut termasuklah kenduri rakyat, gotong-royong, pertandingan permainan rakyat, persembahan seni tradisional, jualan makanan, *fun fair* bendang, dan banyak lagi.

Pesta Angin Timur ini sememangnya sering mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat. Pesta ini dapat memperkukuh hubungan dan mewujudkan persefahaman antara masyarakat yang hadir. Oleh itu, acara sebegini perlu sentiasa dianjurkan agar masyarakat dapat meluangkan masa bersama-sama sekali gus memanfaatkan masa lapang dengan melakukan aktiviti yang berfaedah.

sawah yang kering	produk pelancongan di negeri Perlis	pertandingan permainan rakyat
padi sudah dituai	cuaca panas dan kekurangan hujan	bulan Januari hingga Mac

Pesta Angin Timur (PAT) merupakan (1) _____.
_____. Lazimnya, pesta ini diadakan pada
(2) _____. Lokasi pesta ini diadakan ialah
di kawasan (3) _____. Pesta ini diadakan
di sawah pada masa tersebut kerana (4) _____.

serta pada masa itu (5) _____
oleh pesawah.

Antara acara yang diadakan sepanjang pesta ini berlangsung termasuklah kenduri rakyat, gotong-royong, (6) _____,
jualan makanan, *fun fair* bendang, dan lain-lain.

Kamus Mini

1. produk – sesuatu (barang, perkhidmatan)
2. musim – masa yang tetap atau khusus tiap tahun mengikut perubahan iklim
3. sawah – tanah yang bencah (digenangi air) tempat menanam padi, bendang
4. padi – sejenis tumbuhan (rumput yang buahnya dijadikan beras)
5. tradisional – berkaitan dengan, bersifat, atau mengikut tradisi